



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN SEBUT HARGA KHAS UNTUK BUMIPUTERA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta bertaraf Bumiputra yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia** mengikut kod bidang yang berkaitan serta bertaraf **Bumiputera** yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai sebut harga berikut :-


No. Sebut harga	Perihal Kerja	Harga Dokumen/ Tarikh Mula Dijual	Syarat Pendaftaran
MBJB/SH/47/2022	<p>Kerja-kerja memasang struktur bendera di fasad bangunan Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru</p> <p>Tarikh Iklan : 5.7.2022 Tarikh Taklimat/ : 11.7.2022 (Isnin) Lawatan Tapak : (8.00 pagi – 5.00 petang) Tempat : PENDAFTARAN TAKLIMAT SECARA DALAM TALIAN (RUJUK PERENGGAN 3)</p> <p>Tarikh Tutup : 19.7.2022 (Selasa) S/harga : (Tepat 12.00 tengahari) No.Fail : MJB/2021/47/PNY/62</p> <p>*PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*</p>	<p>RM 30.00</p> <p>12.7.2022 hingga 17.7.2022</p> <p>(Rujuk Perenggan 4)</p>	<p>CIDB Gred : G1 Kategori : B Pengkhususan : B04 DAN berdaftar dengan JCCD (Sijil Kontraktor Johor)</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat</p>

<p>MBJB/SH/ 48/2022</p>	<p>Perkhidmatan penyewaan kiosk terminal layan diri tuntutan kenderaan bagi tempoh 24 bulan</p> <p>Tarikh Iklan : 5.7.2022 Tarikh Taklimat/ : 11.7.2022 (Isnin) Lawatan Tapak (8.00 pagi – 5.00 petang) Tempat : PENDAFTARAN TAKLIMAT SECARA DALAM TALIAN (RUJUK PERENGGAN 3)</p> <p>Tarikh Tutup : 19.7.2022 (Selasa) S/harga (Tepat 12.00 tengahari) No.Fail : MBBJ/U/2021/07/SWN/1</p> <p>*PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*</p>	<p>RM 30.00</p> <p>12.7.2022 hingga 17.7.2022</p> <p>(Rujuk Perenggan 4)</p>	<p>Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 210103 (Computer software, operating system, database, off-the-shelf packages including maintenance)</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL KKM Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat</p>
-----------------------------	--	---	--

2. Penyebut harga diwajibkan untuk mendaftar syarikat secara dalam talian menggunakan sistem iPerolehan MBBJ **sebelum** hari pendaftaran taklimat dilakukan melalui laman sesawang <https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan>. Adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk memastikan maklumat yang didaftarkan di dalam sistem iPerolehan haruslah sama dan tepat sebagaimana lesen asal yang terkini dan menepati syarat pendaftaran sebut harga / tender yang diiklankan. Sekiranya berlaku masalah ketika pendaftaran kehadiran taklimat akibat maklumat yang diberikan tidak menepati syarat lesen pendaftaran, pihak MBBJ tidak bertanggungjawab sekiranya pendaftaran kehadiran syarikat ditolak oleh pihak MBBJ.
3. Pendaftaran taklimat pejabat akan dilakukan secara dalam talian melalui Iperolehan MBBJ pada tarikh dan masa seperti jadual tertera di atas. Hanya penama di dalam lesen sahaja yang dibenarkan mendaftar dan hanya syarikat yang **mendaftar kehadiran** dan **disahkan** untuk perolehan tersebut sahaja yang layak membeli dokumen. Syarikat yang berdaftar perlu menyemak status kehadiran taklimat sebelum meneruskan pembelian. Sila muat naik lesen untuk tujuan pengesahan sebagaimana berikut :-
 - 3.1 : Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
 - 3.2 : Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB & Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK
 - 3.3 : Sijil Kontraktor Johor (SKJ) oleh Johor Centre for Construction Development (JCCD) (Jika Berkaitan)
 - 3.4 : Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) & Taraf Bumiputera (Jika Berkaitan)
4. Penjualan dan pembelian dokumen sebut harga hanya dijalankan secara atas talian sahaja. Pembelian hendaklah dilakukan di sistem iPerolehan MBBJ dan bayaran perlu dilakukan menggunakan sistem eKhidmat (<http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/>) atau di kiosk MBBJ sahaja. Sila rujuk sistem iPerolehan MBBJ bagi penjualan tersebut.
5. Dokumen Sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta bertulis No. Sebut harga dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Aras Bawah, Menara MBBJ, sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup seperti yang tertera pada jadual di atas. Dokumen boleh dihantar secara serahan tangan atau melalui pos berdaftar/ kurier.

6. Dokumen sebut harga yang dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier hendaklah dialamatkan ke **Peti Tawaran, Aras Bawah, Menara MBBJ, No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru, Johor** untuk dimasukkan ke dalam Peti tawaran **sebelum pukul 12.00 tengahari** pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan seperti diatas sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan dan pihak majlis tidak bertanggungjawab diatas kelewatan penghantaran oleh mana-mana pihak.
7. Majlis tidak terikat samada menerima Sebut harga yang terendah harganya atau sebarang tawaran lain

Sekian, dimaklumkan.



(**HAJI MISWAN BIN YUNUS**)
Setiausaha,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.